

**PEPERIKSAAN
PERKHIDMATAN SUBJEK
JABATAN 2006**

KOD KERTAS : 2006

**G 8 L
(Gred G17)**

Kertas peperiksaan ini mengandungi 2 seksyen iaitu Seksyen 1 dan Seksyen 2.

Seksyen 1 (A) dan 1 (B) : Jawab semua soalan.

Seksyen 2 : Jawab empat (4) daripada enam (6) soalan.

SEKSYEN 1(A) : Soalan Aneka Pilihan (20 markah)

Baca dengan teliti kenyataan di bawah dan pilih jawapan yang paling tepat. Tulis jawapan dalam bentuk huruf A, B, C atau D pada kertas jawapan anda.

1. Namakan borang yang digunakan untuk mendapatkan kelulusan daripada pihak Setiausaha Kerajaan Negeri bagi mengikuti kursus di luar negeri.
A LDP 2
B AGC-1G
C LDP 1 (Pindaan 1996)
D DA/HRD/22 (Pindaan 2001)

2. Program Kualiti yang memberi fokus kepada “*Buat apa yang didokumenkan dan dokumen apa yang dibuat*” ialah:-
A Program 5S
B Cadangan Q
C ISO 9001 : 2000
D Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja

3. Kursus yang diadakan di Semenanjung Malaysia yang melibatkan lebih daripada _____ orang peserta dari kategori pegawai Gred 41 adalah memerlukan kelulusan daripada pihak Setiausaha Kerajaan Negeri.
A 1
B 2
C 3
D 4

4. Berapakah bilangan Pusat Latihan Pertanian di Sarawak yang mengadakan program dan latihan jangka pendek untuk petani
- A 8
 - B 9
 - C 10
 - D 11
5. Bajet Pembangunan untuk Pembangunan Sumber Manusia (Pertanian) D56/13 dalam Rancangan Malaysia Ke-8 diperuntukkan kepada komponen-komponen berikut **KECUALI**
- A SAVTI Kabuloh
 - B Institut Pertanian Sarawak, Semongok
 - C Latihan Petani di Pusat Latihan Pertanian
 - D Program Pembangunan Tanaman Makanan
6. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-8, Pusat Latihan Pertanian Sg. Paoh, Sarikei mengadakan kursus-kursus seperti berikut **KECUALI**
- A Landskap
 - B Pembiakan Tanaman
 - C Teknologi Pengeluaran Buah-buahan
 - D Pengawalan Penyakit Dan Makhluk Perosak Lada
7. Alat-alat pandang dengar yang sering digunakan oleh tenaga pengajar di Institut Pertanian Sarawak, Semongok ialah
- A TV dan radio
 - B Projektor multi-media dan TV
 - C Projektor multi-media dan radio
 - D Projektor multi-media dan "White Board"

8. Program Latihan Petani di Pusat Latihan Pertanian memberi keutamaan kepada golongan
- A Nelayan
 - B Penternak
 - C Lulusan sekolah
 - D Pekebun tanaman
9. Dua aspek penting yang dititikberatkan dalam kerja ladang di Institut Pertanian ialah
- A pelan dan rekod ladang
 - B pelan dan kecantikan ladang
 - C rekod dan kebersihan ladang
 - D kebersihan dan kecantikan ladang
10. Di Institut Pertanian Sarawak tumpuan diberikan kepada pengajaran aspek teknikal dalam bidang berikut **KECUALI**
- A Tanaman
 - B Penternakan
 - C Penternakan ikan
 - D Keusahawanan

SEKSYEN 1 (B) : Soalan Pendek (20 markah)

Berikan jawapan yang ringkas bagi soalan berikut.

Soalan 1

- a) Nyatakan misi dan objektif Cawangan Pembangunan Sumber Manusia.
(2 markah)

Soalan 2

- a) Senaraikan **DUA (2)** dasar Pembangunan Sumber Manusia Jabatan Pertanian.
(2 markah)
- b) Nyatakan **DUA (2)** strategi Program Latihan dan Pembangunan Kakitangan.
(2 markah)

Soalan 3

- a) Nyatakan objektif Program Latihan Petani.
(2 markah)
- b) Nyatakan **DUA (2)** strategi yang digariskan bagi mencapai objektif di atas.
(2 markah)

Soalan 4

Senaraikan **EMPAT (4)** komponen Pengembangan dalam bajet Pembangunan.
(4 markah)

Soalan 5

Senaraikan **DUA (2)** program utama Pembangunan Sumber Manusia yang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-8.
(4 markah)

SEKSYEN 2 : Soalan Esei (60 markah)

Jawab empat (4) soalan sahaja daripada enam soalan berikut.

Soalan 1

Anda dikehendaki untuk membantu menyelaras Kursus Induksi Jabatan. **Huraikan LIMA (5) tugas utama anda dalam membantu menyelaras kursus tersebut.**

(15 markah)

Soalan 2

Terangkan apakah yang dimaksudkan dengan perkara-perkara berikut:

- (a) Kursus
- (b) Latihan
- (c) Latihan Luaran
- (d) Latihan Dalaman
- (e) HRD Focal Points

(15 markah)

Soalan 3

- (a) Senaraikan **DUA (2)** tujuan kursus yang dirancangkan di Pusat Latihan Pertanian.

(4 markah)

- (b) Senaraikan **TIGA (3)** golongan yang layak untuk mengikuti program dan latihan jangka pendek yang diadakan di Pusat-Pusat Latihan Pertanian di Sarawak.

(3 markah)

- (c) Terangkan **EMPAT (4)** kaedah yang digunakan bagi mengendalikan program yang diadakan di Pusat-Pusat Latihan Pertanian di Sarawak.

(8 markah)

Soalan 4

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan akronim 5S dalam Bahasa Malaysia.
(5 markah)
- (b) Huraikan cara-cara pelaksanaan bagi setiap langkah dalam Amalan 5S.
(10 markah)

Soalan 5

Huraikan kaedah-kaedah pengembangan yang berikut:-

- (a) Kaedah massa **(5 markah)**
- (b) Kaedah kumpulan **(5 markah)**
- (c) Kaedah individu **(5 markah)**

Soalan 6

Huraikan **TUJUH (7)** langkah yang perlu untuk mengendalikan Latihan Luar Yang Dirancang.
(15 markah)